



MENARIK: Majlis Daerah Kuala Pilah membina kolam renang untuk kemudahan orang ramai di Hutan Lipur dan Rekreasi Ulu Bendul.

OWEE AH CHUN / BERITA HARIAN

Air terjun Bukit Putus naik taraf

Kerajaan Negeri Sembilan sedia peruntukan lebih RM3 juta tambah kemudahan Hutan Lipur dan Rekreasi Ulu Bendul

Oleh Hussain Said

KUALA PILAH: Tidak ramai menyedari, Negeri Sembilan, negeri tanah beradat yang mempunyai saiz keluasan ketiga terkecil di negara ini memiliki khazanah alam semula jadi yang cantik dan tidak ternilai harganya.

Jika dihitung, sebanyak 12 khazanah alam semula jadi ada di negeri itu termasuk Hutan Lipur Lenggeng, Jeram Tengkek di Batu Kikir, Pasir Panjang di Port Dickson dan Hutan Lipur De Bana di Serting.

Turut tersenarai ialah Hutan Lipur dan Rekreasi Ulu Bendul, Hutan Lipur Serting Ulu, Hutan Lipur Galla di Mantin, Gua Batu Maloi di Johol, Gunung Tampin dan Gunung Datuk di Tampin, Jeram Toi dan Air Terjun Lata Kijang di Jelebu,

Semua tempat itu pastinya sudah tidak asing lagi bagi mereka yang cintakan alam semula jadi dan inginkan tempat selesa untuk berkelah atau beristirahat sambil menghirup udara segar dan mendambakan suasana tenang.

Menyedari semua tempat ini berpotensi sebagai kawasan tumpuan pelancong, sejak dulu hingga kini, kerajaan negeri sentiasa menambah dan menaik taraf kemudahan yang disediakan bagi keselesaan pengunjung.

Terbaru, kerajaan negeri menerusi Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) yang menyelia Hutan Lipur dan Rekreasi Ulu Bendul menaik taraf kawasan air terjun yang terletak di Bukit Putus, di tengah perjalanan antara Seremban dengan Kuala Pilah, membabitkan kos kira-kira RM3 juta.

Antara kemudahan yang dinaik taraf di hutan lipur yang popular dengan kehijauan hutannya dan kejernihan air terjun itu ialah pembinaan dua takungan air yang berfungsi sebagai kolam bagi membolehkan orang ramai mandi dan berenang.

Turut dinaik taraf ialah taman permainan air kanak-kanak dengan pembinaan gelongsor air dan tempat berehat di atas air selain menambah beberapa landskap yang cantik dan menarik di kawasan sekitarnya.

Semua itu menambah nilai kawasan rekreasi yang terletak kira-kira 25 kilo-



KEMUDAHAN: Tandas awam lebih moden dibina.



RIADAH: Berkhemah antara aktiviti utama di hutan lipur.

meter dari Seremban dan 90 kilometer dari Kuala Lumpur hingga ramai pengunjung berpendapat ia kini ibarat pusat sehenti pelancongan.

Malah, di kalangan pengunjung juga berpendapat dan bersetuju jarang sekali ada kawasan rekreasi yang menawarkan pelbagai alternatif buat pengunjung kerana di Ulu Bendul sebut apa saja, semuanya ada.

Daripada mandi air terjun, sungai, kolam buatan manusia, jungle trekking, mendaki gunung, berkhemah atau tinggal dalam chalet serta beriadah seperti berjoging dan permainan kanak-kanak, selain kemudahan gerai seperti makanan dan kraftangan tempatan.

Seorang pengunjung, Shahida Md Rasib, 30, mengakui keunikan Ulu Bendul dan percaya sekiranya perancangan rapi

dibuat termasuk menambah dan menaik taraf kemudahan sedia ada di kawasan rekreasi itu, ia mampu setanding dan tersohor seperti kawasan peranginan Port Dickson.

"Ulu Bendul memiliki pakej lengkap untuk menjadi kawasan rekreasi dan perkelahan sekeluarga. Saya percaya sesiapa yang datang ke sini, pasti akan berkunjung lagi kerana tertawan dengan suasananya.

"Lebih-lebih lagi, pengunjung pasti berpuas hati dengan pelbagai kemudahan yang disediakan serta memenuhi selera tidak kira golongan kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas," katanya.

Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Hasan Malek, mengakui sejak kerja menambah dan menaik taraf beberapa kemudahan, Ulu Bendul semakin ramai dikunjungi pengunjung terutama cuti hujung minggu.

"Kita merancang membina dan mempelbagaikan lagi kemudahan untuk menarik dan memberi keselesaan kepada pengunjung. Kita berharap kawasan air terjun ini menjadi destinasi pelancongan yang terkenal seperti Port Dickson.

"Apatah lagi, kerja meluruskan Jalan Bukit Putus, sedang rancak berjalan dan dijadualkan siap tahun depan. Kita percaya ia akan memudahkan dan mempercepatkan perjalanan pengunjung ke sini," katanya.

“Saya percaya sesiapa yang datang ke sini, pasti akan berkunjung lagi kerana tertawan dengan suasananya”

Shahida Md Rasib
Pengunjung



SELESA: Wakaf untuk pengunjung berehat turut disediakan.